



21 JUN, 2024

Tanam durian dalam skala besar

Sinar Harian, Malaysia

Tanam durian dalam skala besar

Pengusaha durian disaran mulakan usaha itu untuk dieksport ke negara China

Oleh **MOHD AZLIM ZAINURY**
PUCHONG

Pengusaha durian khususnya dalam kalangan bumiputera wajar memulakan penanaman raja buah itu dalam skala besar untuk dipasarkan ke negara China dalam tempoh enam tahun lagi.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, usaha itu perlu bermula dari sekarang susulan pemeteraian Protokol Keperluan Fitosanitari Pengeksportan Buah Durian Segar dari Malaysia ke China pada Rabu.

Jelasnya, kejayaan pemeteraian antara kedua-dua negara itu perlu dimanfaatkan



Mohamad (tiga dari kiri) mengagihkan daging korban kepada kakitangan LKIM di Puchong pada Khamis.

kerana aktiviti pengeksportan durian merupakan perniagaan yang bernilai tinggi dan membantu meningkatkan pendapatan pengusaha tempatan.

“Kalau penanam berusaha dari sekarang, dalam masa antara lima dan enam tahun akan dapat hasil,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Program Ibadah Korban Lembaga Kemajuan Ikan

Malaysia (LKIM) 2024 di Pulau Meranti, di sini pada Khamis.

Tambah Mohamad, kerajaan sentiasa memberi sokongan dan bantuan kepada pengusaha dalam memastikan durian yang dihasilkan dari ladang tempatan berkualiti dan sesuai dieskport ke China.

“Tanamlah apa sahaja jenis durian tapi mesti berkualiti untuk dieskport,” katanya.



21 JUN, 2024

Tanam durian dalam skala besar

Sinar Harian, Malaysia

SUMMARIES

Pengusaha durian disaran mulakan usaha itu untuk dieksport ke negara China

Pengusaha durian khususnya dalam kalangan bumiputera wajar memulakan penanaman raja buah itu dalam skala besar untuk dipasarkan ke negara China dalam tempoh enam tahun lagi.Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, usaha itu perlu bermula dari sekarang susulan pemeteraian Protokol Keperluan Fitosanitari Pengeksportan Buah Durian Segar dari Malaysia ke China pada Rabu.